

05/04/2000

Lawatan pengerusi badan ketelusan

PENGERUSI Badan Ketelusan Antarabangsa, Dr Peter Eigen, akan berada di Kuala Lumpur pada 10 dan 11 April ini sebagai tanda penghargaan dan sokongannya kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menentang rasuah di negara ini.

Persatuan Bagi Ketelusan dan Keluwesan Kuala Lumpur dalam satu kenyataan semalam berkata, ketika lawatannya Dr Eigen akan menyampaikan ucapan "Ketelusan dalam Perniagaan Antarabangsa: Cabaran Baru Global" anjuran Institut Pengurusan Malaysia, Selasa ini.

Dr Eigen dijangka mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri dan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah, Datuk Ahmad Zaki.

Presiden Persatuan Bagi Ketelusan dan Keluwesan Kuala Lumpur, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim, berkata Badan Ketelusan Antarabangsa sering memuji Malaysia sebagai negara contoh yang memberi tindak balas positif kepada Indeks Tanggapan Rasuah Ketelusan Antarabangsa.

(END)